

DARI HASHIM MAKARUDDIN

1979

MUNICH, 23 APRIL (BERNAMA) - MALAYSIA BERCADANG MENDIRIKAN PERUSAHAAN PEMBUATAN KERTAS DI MASA DEPAN, DEMIKIAN KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PER-INDUSTRIAN MEMBERITAHU BAKAL-BAKAL PELABUR JERMAN DI SINI, MEMANG TELAH ADA CADANGAN MELAKSANAKAN PROJEK PEMBUATAN KERTAS DI SABAH, DAN KINI IA MASIH DI PERINGKAT KAJIAN.

PROJEK TERSEBUT MEMERLUKAN KAWASAN MEMBALAK SELUAS KIRA-KIRA 300,000 KILOMETER PERSEGI, KATANYA SEMASA SOAL-JAWAB DI SEMINAR PELUANG PELABURAN DALAM PERUSAHAAN BERASASKAN KAYU DAN PLASTIK DI MALAYSIA YANG DIADAKAN DI SINI SEMPENA LAWATAN TIGA HARI ROMBONGAN PELABURAN MALAYSIA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR, KETIKA MENJAWAB PERTANYAAN MENGENAI KEDU-DUKAN PERUSAHAAN PEMBUATAN KERTAS DI MALAYSIA BERKATA, INDUSTRI ITU YAKIN DAPAT MENGELUARKAN KAYU RACIK DARIPADA POKOK GETAH.

MENURUTNYA, KYAU RACIK INI DIEKSPORT KE JEPUN UNTUK MEMBUAT JENIS KERTAS.

—BERSAMBUNG HM 1050

MAHATHIR 2 MUNICH

BELIAU BERKATA, MALAYSIA SEKARANG MASIH BELUM MEMPUNYAI PERUSAHAAN PEMBUATAN KERTAS DAN BELIAU BERPENDAPAT PARA PENGUSAHA JERMAN HARUS MENIMBANG UNTUK MELABUR DALAM PERUSAHAAN TERSEBUT.

KIRA-KIRA 80 ORANG PENGUSAHA DAN AHLI PERNIAGAAN JERMAN MENGHADIRI SEMINAR TERSEBUT.

MEREKA TELAH MENUNJUKKAN MINAT UNTUK MELABUR DALAM PERUSAHAAN DERASASKAN KAYU, DAN TELAH BERTANYA TENTANG BERBAGAI JENIS KAYU YANG ADA DI MALAYSIA UNTUK MEMASTIKAN BEKALAN YANG SENTIASA CUKUP SEBELUM MEREKA MEMUTUS UNTUK MELABUR DALAM PERUSAHAAN TERSEBUT.

MENJAWAB SATU PERTANYAAN YANG LAIN, DATUK ABDUL MAJID KHAN, PENGARAH URUSAN BENA HOLDINGS SDN. BHD, YANG BERGIAT DALAM KEGIATAN MENDALAK DAN PEMASARANNYA BERKATA, JERMAN BARAT MENGIMPORT KIRA-KIRA 70 PERATUS KAYU KERAS DARI MALAYSIA.

MEMANDANGKAN CUKAI YANG TINGGI YANG DIKENAKAN OLEN KERAJAAN MALAYSIA BAGI KAYU BALAK YANG TIDAK DIGERGAJI, ADALAH LEBIH MENGUNTUNGGAN SEKIRANYA PARA PELABUR JERMAN MENJALANKAN KEGIATAN MEMPROSES DI MALAYSIA.

MENURUTNYA, TIDAK ADA MASALAH MENGENAI BEKALAN KAYU KERANA KILANG-KILANG DI MALAYSIA BOLEH MENGIMPORT KAYU DARI INDONESIA DAN JUGA FILIPINA.

—BERSAMBUNG HM 1055

EE
B513

MAHATHIR 3 MUNICH

SEBELUM ITU, TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN ROMBONGANNYA TELAH MELAWAT SYARIKAT NIOLA - KILANG PERUSAHAAN KAYU DAN PLASTIK YANG DI -SATUKAN DI TAUFKIRCHEN, KIRA-KIRA 45 BATU DARI SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH DIBAWA MELAWAT SEKITAR KILANG TERSEBUT DAN DIBERI PENERANGAN MENGENAI KEGIATANNYA.

SYARIKAT TERSEBUT MENGELUARKAN PERABOT DAN KATIL UNTUK EKSPORT DAN PASARAN DALAM NEGERI.

MALAM INI, TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN ROMBONGANNYA AKAN MENGHADIRI MAJLIS MAKAN MALAM YANG DIBERI OLEH PERSEKUTUAN PERUSAHAAN PERABOT DAN KERJAKAYU JERMAN, PERSATUAN PERUSAHAAN BERASASKAN KAYU DAN PLASTIK BAVARIA DAN SYARIKAT PEMBANGUNAN JERMAN.

—BERNAMA HM